

17 JUL 1999

MCA-Keputusan

YAP GAGAL PERTAHANAN JAWATAN NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Naib presiden MCA Datuk Yap Pian Hon gagal mempertahankan jawatannya itu pada pemilihan parti hari ini yang menyaksikan tiga lagi penyandang dan bekas Ketua Pemuda MCA Datuk Chan Kong Choy menang.

Tiga orang naib presiden yang mengekalkan jawatan masing-masing ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting.

Fong, 46, menerima jumlah undi terbanyak iaitu 2,113 diikuti oleh Chua, 56, yang mendapat 2,098 undi.

Ong, 43, pula memperolehi 2,043 undi sementara Chan, 44, yang juga Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, mendapat 1,650 undi.

Mereka akan memegang jawatan itu untuk tempoh tiga tahun.

Yap, 56, yang juga Anggota Parlimen Serdang, menerima 1,376 undi.

Sebanyak 2,338 anggota perwakilan mengundi pada pemilihan hari ini. Perhimpunan Agung itu dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi.

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek mengekalkan jawatan masing-masing tanpa dicabar apabila penamaan calon ditutup Isnin lepas.

Kesemua 25 calon anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CC) juga menang tanpa ditandingi.

Mereka yang dipilih ke CC ialah Datuk Dr Sak Cheng Lum, Fu Ah Kiow, Datuk Wong Mook Leong, Datuk Chor Chee Heung, Datuk Tan Chai Ho, Ho Lim Teck, Dr Chua Soi Lek, Datuk Hon Choon Kim, Datuk Ong Ka Chuan, Datuk Lau Yin Pin, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Leong Su Siang, Datuk Lim Si Cheng, Low Boon Hong, Datuk Chau Tet On, Datuk Tang See Hang, Datuk Wong See Wah, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, Datuk Beh Heng Seong, Datuk Poh Ah Tiam, Wong Kam Hoong, Khoo Lay Hin, Lim Siang Chai, Ho Cheong Sing dan Oui Ah Lan.

Setiausaha agung dan bendahari agung dilantik oleh presiden parti.

Semalam, Datuk Ong Tee Keat dipilih sebagai Ketua Pemuda MCA menewaskan Datuk Loke Yuen Yow sementara Datuk Dr Ng Yen Yen dipilih Ketua Wanita MCA apabila menewaskan Dr Tan Yee Kew.

Ling berkata beliau gembira dan berpuas hati dengan keputusan itu.

"Secara umumnya, anggota telah menyahut saranan saya. Mereka telah melaksanakannya dengan baik," katanya.

Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata semua anggota harus menghormati kehendak perwakilan parti.

"Saya berasa sangat gembira kerana mereka semua adalah sebahagian daripada pasukan yang bersama-sama dengan saya sejak lapan atau sembilan tahun lepas," katanya.

Katanya keputusan itu adalah bukti populariti dan kemampuan keempat-empat pemenang jawatan naib presiden itu.

Ling juga berkata beliau belum memutuskan sama ada untuk melantik Yap sebagai anggota Jawatankuasa Kerja Pusat.

Mengikut perlembagaan parti, presiden boleh melantik lapan anggota jawatankuasa itu.

-- BERNAMA

APG YBK NAK MAI